



UCAPAN

**Dato' Ahmad Fuaad Kenali
Ketua Pegawai Eksekutif,
Malakoff Corporation Berhad**

Program 'Jom Sarap' Bersama Malakoff 2019

Yang Berhormat Tuan Suhaizan Kayat,
Speaker Dewan Undangan Negeri Johor;

Yang Berusaha Tuan Roslan Bokari,
Pengkulu Mukim Serkat;

Tuan Haji Shaharudin Basri Bin Ibrahim
Pegawai Pendidikan Daerah Pontian;

Guru-Guru Besar dan Yang Dipertua PIBG Sekolah;

Ketua-Ketua Kampung dalam Mukim Serkat;

Guru-Guru, Murid-Murid;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sekolah Kebangsaan Andek Mori kerana telah sudi menerima kehadiran kami ke sini bagi memulakan tahun kedua program 'Jom Sarap' Bersama Malakoff 2019 pada pagi ini.

Terima kasih juga yang tidak terhingga atas kesudian YB Suhaizan kerana sudi meluangkan masa dalam kesibukan jadual YB yang padat untuk bersama-sama dengan kita dan seterusnya melancarkan program pada pagi ini.

Bagi pihak Malakoff, kami amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan YB, Penghulu Mukim Serkat dan pihak sekolah bagi melancarkan tahun kedua program Jom Sarap ini, di sini. Terima kasih kepada pihak Penghulu Mukim Serkat dan Guru-Guru Besar kerana sudi untuk bekerjasama bagi merealisasikan program ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Program 'Jom Sarap' Bersama Malakoff yang bermula pada tahun 2018 telah mendapat maklumbalas yang positif dari setiap sekolah yang terlibat. Kami amat berbesar hati untuk meneruskan tahun kedua program ini yang dilihat dapat memberikan suntikan semangat kepada para pelajar untuk hadir lebih awal ke sekolah dan membantu mereka untuk lebih fokus semasa sesi pembelajaran. Kami juga berasa amat gembira dengan prestasi lulus di setiap sekolah yang amat membanggakan pada tahun lalu.

Seperti tahun lalu, Pihak Malakoff akan menaja sarapan pagi mulai hari ini sehinggalah tamat persekolahan pada tahun ini. Seramai 985 murid akan

menikmati sarapan pagi berkhasiat percuma di 7 buah sekolah setiap pagi. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah seperti berikut:

- Sekolah Kebangsaan Sungai Durian
- Sekolah Kebangsaan Serkat
- Sekolah Kebangsaan Andek Mori
- Sekolah Kebangsaan Permas Kelapa
- Sekolah Kebangsaan Seri Sinaran Chokoh
- Sekolah Kebangsaan Sungai Boh
- Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pei Chiao

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Adalah menjadi harapan Malakoff melalui program ini murid-murid akan datang awal ke sekolah dan bersedia untuk memulakan aktiviti pembelajaran dengan sihat dan cerdas. Pengambilan sarapan pagi merupakan amalan gaya hidup sihat dan pastinya murid-murid akan lebih cerdas dalam kelas dan cergas menghadapi proses pembelajaran.

Untuk makluman semua, program ini merupakan sebahagian dari program tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh Malakoff. Kami melaksanakan program tanggungjawab sosial secara aktif sepanjang tahun di setiap kawasan operasi kami di Tanjung Bin Johor, Segari Perak, dan Prai Pulau Pinang.

Di samping program 'Jom Sarap' yang akan dilancarkan pada pagi ini, Malakoff juga akan menaja kelas tuisyen yang akan bermula dari bulan April hingga Ogos selain kami akan menganjurkan satu seminar Motivasi Kecemerlangan dan Teknik Menjawab UPSR untuk murid-murid tahun 6

yang berjumlah 160 orang pada tahun ini. Program ini InshaAllah akan diadakan pada bulan Ogos tahun ini di Kukup Golf Resort.

Adalah menjadi hasrat Malakoff, program ini dapat mempertingkatkan lagi kerjasama yang sedia terjalin di antara Malakoff dengan komuniti tempatan di sini dan mampu memberi kebaikan dari segi ekonomi dan sosial penduduk di sekitar kawasan ini.

Malakoff juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan berterusan semua Ketua-Ketua Kampung yang turut memberikan sokongan dan bantuan bagi menjayakan segala program yang diadakan oleh Malakoff di sini.

Sebagai sebuah syarikat yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap komuniti tempatan di tempat kami beroperasi, kami sentiasa memberi penekanan tinggi terhadap rakan kerjasama dalam program yang kami laksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya bagi pihak Malakoff Corporation Berhad mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan dalam apa jua bentuk untuk menjayakan program ini.

Tidak lupa juga kepada YB Suhaizan, Penghulu, Pejabat Pendidikan Daerah Pontian, Guru-Guru Besar & YDP PIBG Ketua-Ketua Kampung, serta para hadirin sekalian yang sudi menerima kehadiran kami dan bersama-sama menjayakan program hari ini.

Kami berharap agar usaha murni ini dapat diteruskan di masa akan datang dan diharapkan agar kita berjumpa lagi di masa depan dalam program-program yang lain.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.